

Laungan 40 kali 'Mahathir' bergema

Oleh AIRY LIM

KUALA LUMPUR, Sabtu — Laungan 'Mahathir, Mahathir' lebih 40 kali bergema di Stadium Jalan Raja Muda sebaik saja Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isterinya tiba kerana melakukan lawatan rasmi ke Wilayah Persekutuan, petang ini.

Laungan bersemangat itu berterusan beberapa minit sehingga Perdana Menteri dan isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah menaiki pentas khas di stadium yang penuh sesak dengan orang ramai dari segenap lapisan masyarakat.

Sementara laungan 'Hidup Mahathir' dan 'Sokong Mahathir' juga diselang-selikan sewaktu pengerusi jawatankuasa sambutan lawatan rasmi, Haji Idris Haji Ibrahim dan Pengerusi Barisan Nasional Wilayah Persekutuan, Encik Ghaffar Baba berucap.

Paluan kompang dan tarian singa juga menyerikan perhimpunan dengan persembahan lima minit bagi tiap-tiap persembahan sebaik saja Perdana Menteri dan isterinya tiba.

Orang ramai yang berdiri berhampiran pintu pagar masuk ke stadium pula berrebut-rebut melihat wajah pemimpin negara yang dihormati dan dikagumi itu.

Sebelum itu, ketibaan Perdana Menteri dan isterinya di Simpang Jalan Raja Abdullah dan Jalan Raja Muda untuk berjalan sama bersama orang ramai ke stadium disambut oleh jawatankuasa sambutan.

Orang ramai mula membanjiri stadium itu sejak jam 2 petang dengan berpayung dan membawa sependok berwarna-warni berlambangkan parti-parti Barisan Nasional seperti Umno, MIC, MCA, Gerakan dan Berjasa.

Poster-poster wajah Perdana Menteri yang dilekatkan di atas sekeping papan juga dibawa oleh orang ramai.

Sepanduk seperti 'Hidup Matinya Orang Melayu Bersama Umno', 'Bersih, Cekap dan Amanah', 'Pengswastan Ke Arah Kemajuan dan Menyokong Pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir' adalah antara yang kelihatan menyambut ketibaan Perdana Menteri dan isteri.

Sepanjang jalan

Cuaca panas terik pada jam 2 petang juga berransur-ansur menjadi redup bila angin mula bertilup perlahan.

Empatlagu — 'Kepemimpinan Melalui Teladan', 'Malaysia Berjaya', 'Lenggang Kangkung' dan 'Khas Untuk Solo' — dipersembahkan dengan iringan Panca-ragam Polis Diraja Malaysia.

Perdana Menteri sewaktu menyampaikan ucapannya kepada orang ramai juga sempat mengeluarkan kata-kata lucu yang mengandungi nasihat.

Menurut beliau, "jika orang ramai yang hadir hari ini bersama-sama saya membersihkan Wilayah Persekutuan hari ini, keadaan kebersihan di sekitar Bandaraya pasti bersih."

Selepas menyampaikan ucapannya, Perdana Menteri dan isteri bersama orang ramai kemudian berarak ke dewan orang ramai, Jalan Hamzah, Kampung Baru di sini untuk merasmikan dewan itu.

Lima batang jalan sepanjang Jalan Raja Muda daripada persimpangan Jalan Gurney ke Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Raja Abdullah di persimpangan Jalan Sultan Ismail, Jalan Raja Alang di persimpangan Jalan Tuanku Abdul Rahman, sepanjang Jalan Dr Latiff dan Jalan Hamzah, Jalan Haji Hashim dan Jalan Datuk Haji Abdul Malik ditutup sejak jam 2 petang untuk perarakan yang bermula dari stadium ke Kampung Baru.

Turut hadir di majlis itu ialah Menteri-Menteri Kabinet, Timbalan Menteri, pemimpin-pemimpin pertubuhan dan persatuan, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Shahril Abdul Samad dan Datuk Bandar, Datuk Dr Elyas Omar.